

**AS-SALIHIN TRUSTEE BERHAD
PRODUK PERANCANGAN HARTA PUSAKA – WASIAT**

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS)

Tarikh:

[Tarikh hendaklah dilengkapkan oleh Staf Jualan]

Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Produk Perancangan Harta Pusaka-Wasiat as-Salihin Trustee Berhad. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat produk ini. Dapatkan penerangan daripada kami sekiranya anda tidak memahami sebarang bahagian daripada dokumen ini atau terma umum berkaitan.

1. Apakah produk ini?

Produk ini menawarkan kepada seseorang untuk membuat wasiat semasa hayatnya dan melantik Wasi untuk mentadbir harta pusakanya sehingga selesai.

2. Apakah Kontrak Syariah yang terpakai?

- i. Wakalah : satu kontrak agensi yang mana bank bertindak sebagai agen yang menawarkan produk penulisan wasiat.
- ii. Wassiyah : wassiyah adalah ikrar atau deklarasi yang dibuat oleh seseorang semasa hayatnya berkaitan hartanya atau manfaat daripada hartanya, untuk diuruskan bagi tujuan kebajikan atau sebarang tujuan yang dibenarkan oleh Syariah selepas kematiannya.
- iii. Faraid: Faraid ialah undang-undang Perwarisan Islam. Di bawah peraturan Faraid, pembahagian hak Waris Faraid telah ditetapkan. Ahli keluarga bukan Islam kepada si mati tidak mempunyai hak di bawah pengagihan Faraid.

3. Apakah manfaat/faedah yang saya boleh perolehi daripada Wasiat?

- i. Mempercepatkan proses perundangan untuk permohonan probet dan sijil faraid.
- ii. Hak pewasiat lelaki untuk melantik penjaga harta anak yang masih kecil di bawah umur atau anak yang kelainan upaya.
- iii. Hak untuk memberikan 1/3 bahagian kepada waris bukan faraid

4. Berapakah kos membuat Wasiat?

Fi minimum adalah RM1400.

5. Bolehkan Wasiat digunakan untuk memberikan aset kepada ahli keluarga yang bukan Muslim atau bukan Waris Faraid?

1/3 daripada keseluruhan harta Pewasiat boleh dibahagikan kepada ahli keluarga yang bukan Islam atau bukan waris faraid. Jika pemberian tersebut melebihi 1/3, maka persetujuan waris faraid mesti diperolehi.

6. Apakah terdapat risiko?

- i. Terdapat kebarangkalian waris tidak menyedari kewujudan Wasiat dan waris mentadbir harta pusaka tanpa menggunakan Wasiat.
- ii. Waris faraid boleh menentang kandungan Wasiat.

7. Bolehkah saya meminda atau membatalkan wasiat?

Semasa hayat, Pewasiat boleh meminda atau membatalkan wasiatnya pada bila-bila masa.

8. Fi Pembatalan (pada peringkat draf)

RM200.00 akan dicaj sekiranya dokumen (draf) telah dikeluarkan.

9. Faraid boleh dilaksanakan apabila seseorang meninggal dunia, kenapa saya masih perlukan wasiat?

2 tujuan utama menulis wasiat. Pertama, terdapat perlantikan Wasi yang jelas yang boleh mempercepatkan proses pentadbiran harta pusaka dan kedua, untuk merancang langkah-langkah untuk mengawal pengagihan harta pusaka.

10. Di mana boleh saya dapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya pihak anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Wasiat, sila hubungi:

Bank Muamalat Malaysia Berhad